



**PENGUASAAN IMBUHAN DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA
MELAYU MURID-MURID SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL**

Oleh

KMALESWARI A/P PARAMASIVAM

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

Januari 2024

FBMK 2024 14

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENGUASAAN IMBUHAN DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA
MELAYU MURID-MURID SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL**

Oleh

KAMALESWARI A/P PARAMASIVAM

Januari 2024

Pengerusi : Rohaidah binti Kamaruddin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penguasaan imbuhan menjadi masalah kepada murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di daerah Kuala Selangor sehingga sukar mendapat keputusan yang baik dalam penulisan karangan. Justeru, berlaku kepincangan antara SJKT daerah Kuala Selangor dengan Unit Bahasa, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor. Kajian ini bertujuan mencapai objektif yang berikut iaitu mengenal pasti, menganalisis dan membincangkan kelemahan penguasaan imbuhan dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid-murid SJKT daerah Kuala Selangor. Tambahan pula, kajian ini telah meneliti bagaimanakan kesalahan imbuhan awalan *meN-* dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini dijalankan di 10 buah SJKT di daerah Kuala Selangor dan dibataskan kepada 140 orang murid darjah 5 secara rawak mudah di setiap buah sekolah. Instrumen yang digunakan adalah sebuah tajuk karangan yang dipilih daripada koleksi soalan UPSR tahun 2019. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam penganalisan data kajian. Penyelidik memeriksa kelemahan

dari segi pemilihan imbuhan awalan **meN-** dalam karangan responden. Daripada hasil kajian penyelidik berharap dapat membantu murid-murid, guru bahasa, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi kelemahan murid-murid dalam penguasaan imbuhan dan meningkatkan prestasi keputusan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) dalam bahagian penulisan. Penyelidik mengaplikasikan Teori Analisis Corder (1981) yang berfokus kepada kesalahan penutur bukan jati Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penulisan karangan dalam aspek imbuhan awalan **meN-** berada dalam tahap yang lemah. Hal ini menjejaskan mutu penulisan karangan murid-murid. Implikasi kajian, kajian ini berwibawa menjadi maklumat berguna tentang penguasaan imbuhan dalam penulisan karangan Bahasa Melayu kepada semua murid dan guru SJKT di seluruh Malaysia.

Kata Kunci: Imbuhan, Penguasaan, Bahasa Melayu, Murid SJKT, Tahun lima, Ujian Akhir Sesi Akademik

SDG: MATLAMAT 4: Pendidikan Berkualiti

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**DISADVANTAGES OF GRAMMAR MASTERY IN THE WRITING OF
MALAY LANGUAGE ESSAYS OF STUDENTS TAMIL NATIONALITY**

By

KAMALESWARI A/P PARAMASIVAM

January 2024

Chairman : Rohaidah binti Kamaruddin, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study was conducted with the aim of achieving the following objective, which is to identify, analyze and formulate weaknesses in grammar mastery in the writing of Malay language essays by SJKT students in the Kuala Selangor district. This study was conducted in 10 Tamil National Type Schools (SJKT) in the Kuala Selangor district and was limited to 140 years 5 students randomly in each school. The instrument used is an essay title selected from the collection of UPSR questions in 2019. The researcher used a qualitative method in analyzing the study data. The researcher will examine the weaknesses in terms of the selection of prefix meN in the respondent's essay. From the results of the study, the researchers hope to be able to help students, language teachers, schools and the Malaysian Ministry of Education to overcome the students' weaknesses in the mastery of the reward and improve the performance of the UPSR results in the writing paper. The researcher applied Corder's Theory of Analysis (1981) to analyze the research findings after the research got back the research instrument. The findings of the study

show that the writing of essays by year 5 students among Tamil school students in the Kuala Selangor district in the aspect of prefix meN is at a less than satisfactory level. This affects the quality of writing students' essays.

Keywords: Proficiency, Malay Language, SJKT Students, Year 5, Final Exam of Academic Session

SDG: GOAL 4: Quality Education



PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada tuhan, kerana di atas limpah dan kurniaNya dapat menyiapkan penyelidikan saya dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai rintangan dan dugaan.

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr Hajah Rohaidah Haji Kamaruddin, selaku penyelia saya atas segala nasihat, bimbingan dan sokongan yang diberikan untuk menyiapkan penyelidikan dengan jayanya. Segala bantuan, semangat, strategik dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang terbaik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf di School of Graduate Studies, Universiti Putra Malaysia yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala tunjuk ajar menjadi pedoman yang tidak dapat dilupakan.

Ucapan terima kasih juga wajib disampaikan kepada guru besar SJKT daerah Kuala Selangor yang membenarkan saya menjalankan kajian lapangan di sekolah dengan mudah. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada guru bahasa Melayu yang memberi sokongan penuh dalam pelaksanaan kajian lapangan dan memudahkan proses pengumpulan data.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya Puan Gayathiri Marimuthu dan Encik Meiyappan Muniandy

yang telah banyak memberi bantuan serta sokongan moral semasa saya berdepan dengan pelbagai cabaran dan dugaan.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

Kamaleswari Paramasivam

2023



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Rohaidah binti Kamaruddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Veeramohan a/l Veeraputhran, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Omrah bin Hassan @ Hussien, PhD

Professor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 Ogos 2024

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
ISI KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan	9
	1.4 Penguasaan tatabahasa dalam kalangan murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	13
	1.5 Penguasaan imbuhan dalam penulisan karangan murid-murid SJKT	16
	1.6 Penyataan Masalah	18
	1.7 Objektif Kajian	28
	1.8 Persoalan Operasional	29
	1.9 Batasan Kajian	29
	1.10 Kepentingan Kajian	32
	1.11 Definisi Operasional	37
	1.12 Kesimpulan	47
2	SOROTAN LITERATUR	48
	2.1 Pengenalan	48
	2.2 Kajian di Malaysia	48
	2.3 Kajian tentang penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua	49
	2.4 Kajian tentang tatabahasa	57
	2.5 Kajian tentang pengajaran dan pembelajaran pada zaman ini	96
	2.6 Kajian Barat	100
	2.7 Kesimpulan	104
3	METODOLOGI	107
	3.1 Pengenalan	107

3.2	Reka Bentuk Kajian	108
3.3	Pendekatan Kajian	110
3.3.1	Kerangka teori	111
3.4	Kaedah Kajian	113
3.4.1	Kaedah Kualitatif	113
3.4.2	Kaedah Analisis Dokumen	115
3.4.3	Kaedah temu bual	115
3.5	Populasi dan persampelan	116
3.7	Instrument Kajian	118
3.8	Tatacara Kajian	118
3.8.1	Pengumpulan Data	119
3.8.2	Penganalisan data	121
3.9	Kerangka Reka Bentuk Kajian	123
3.10	Kesimpulan	124
4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	125
4.1	Pengenalan	125
4.2	Profil Responden Sekolah dan Jantina	126
4.3	Objektif 1: Mengenal pasti kelemahan murid-murid SJKT daerah Kuala Selangor dalam penulisan karangan Bahasa Melayu	128
4.4	Objektif 2: Menganalisis tahap penguasaan imbuhan awalan <i>meN-</i> dalam penulisan karangan murid-murid	134
4.4.1	Kesalahan responden dalam penggunaan imbuhan awalan <i>meN-</i> pada kata dasar beri	134
4.4.2	Kesalahan responden dalam penggunaan imbuhan awalan <i>meN-</i> pada kata dasar hias	140
4.4.3	Kesalahan responden dalam penggunaan imbuhan awalan <i>meN-</i> pada kata dasar <i>potong</i>	145
4.4.4	Kesalahan responden dalam penggunaan imbuhan awalan <i>meN-</i> pada kata dasar nyanyi.	150
4.4.5	Kesalahan responden dalam penggunaan imbuhan awalan <i>meN-</i> pada kata dasar <i>ambil</i>	155
4.5	Objektif 3: Membincang faktor yang mendorong murid-murid menguasai imbuhan awalan <i>meN-</i> dengan tepat	158
4.5.1	Kaedah Temu Bual	158
4.6	Objektif 4: Merumus kesalahan imbuhan awalan <i>meN-</i> meningkatkan keberkesanan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua	173
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	176
5.1	Pengenalan	176
5.2	Rumusan	177
5.3	Implikasi Kajian	180
5.4	Cadangan	182
5.4.1	Murid-murid	182
5.4.2	Guru	183
5.4.3	Ibu bapa	184
5.4.4	Penulis buku bahasa Melayu	185
5.4.5	Pengkaji baharu	185

5.4.6	Institut Pendidikan Guru(IPG)	186
5.5	Penutup	186
RUJUKAN		187
LAMPIRAN		196
BIODATA PELAJAR		234
SENARAI PENERBITAN		235



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Pecahan pemilihan responden adalah seperti yang berikut:	31
1.2 Jadual bentuk dan jenis imbuhan	40
3.1 Pecahan pemilihan responden dalam kajian ini adalah seperti berikut:	116
3.2 Jadual sekolah dipilih oleh pengkaji untuk kajiannya	117
4.1 Bilangan Responden mengikut Sekolah dan Jantina	127
4.2 Kesalahan yang dilakukan oleh responden dalam imbuhan awalan meN- dalam penulisan karangan	129
4.3 Kesalahan yang dilakukan oleh responden dalam imbuhan awalan meN- dalam penulisan karangan dalam peratusan	130
4.4 Kekerapan dan peratusan kesalah yang dilakukan oleh responden dalam karangan bahagian imbuhan awalan meN-	131
4.5 Profil guru cemerlang Bahasa Melayu yang ditemu bual	159

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
3.1	Model teori Corder 1981	112
3.2	Kerangka Reka Bentuk Kajian	123
4.1	Jenis kesalahan imbuhan awalan meN- dalam penulisan karangan	130
4.2	Rumusan hasil dapatan kajian	175



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka Surat
A1 INSTRUMEN KAJIAN	196
A2 SURAT KEBENARAN IBU BAPA	199
A3 BORANG JAWAPAN IBU BAPA	200
B1 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 114	201
B2 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 49	203
B3 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 128	205
B4 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 121	207
B5 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 129	209
B6 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 101	210
B7 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 36	212
B8 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 54	214
B9 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 82	216
B10 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 86	217
B11 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 126	219
B12 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 62	221
B13 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 60	223
B14 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 119	225
B15 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 108	226
B16 SKRIP JAWAPAN RESPONDEN 3	228
C1 TEMU BUAL DENGAN AHLI BAHASA 1	230
C2 TEMU BUAL DENGAN AHLI BAHASA 2	231
C3 TEMU BUAL DENGAN AHLI BAHASA 3	232
C4 TEMU BUAL DENGAN AHLI BAHASA 4	233
C5 TEMU BUAL DENGAN AHLI BAHSA 5	234

SENARAI SINGKATAN

B1	Bahasa pertama
B2	Bahasa kedua
BA	Bahasa antara
BM	Bahasa Melayu
DBP	Tatabahasa Dewan Edisi Keempat dalam talian (2023)
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FA	Frasa adjektif
FBMK	Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
FK	Frasa kerja
FN	Frasa nama
ICT	Information and communication Techonology
IPG	Institut Pendidikan Guru
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KUIPSAS	Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah
LPM	Lembaga peperiksaan Malaysia
MMS	Instructional Material Motivation Survey
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PdP	Pembelajaran dan pengajaran
PDPC	Pembelajaran dan Pemudahcaraan

PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SDK	Struktur Dalaman Kata
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SJKTBM	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bukit Mertajam
SK	Sekolah kebangsaan
SK	Standard Kandungan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SP	Standard pembelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Pakej Statistik Untuk Sosial
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UDMA	Ujian Diagnostik Morfologi Arab
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPM	Univerisiti Putra Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
VLE Frog	Virtual Learning Environment
YUN	Yunnan University of Nationalities
UASA	Ujian Akhir Sesi Akademik
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah

PP

Pentaksiran Pusat

SKM

Sekolah Kurang Murid



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Melayu dikenali sebagai bahasa Austronesia dan mempunyai kaitan rapat dengan bahasa-bahasa etnik yang dituturkan di Nusantara seperti Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura bahagian selatan Thai dan Filipina sehinggalah ke Pulau Christmas Australia. Perkembangan pendidikan di Malaysia dirancang dan dimulakan sebelum negara mencapai kemerdekaan iaitu bermula dengan Penyata Barnes (1950), Penyata Fenn-Wu (1951) dan Jawatankuasa Laporan Razak (1956). Sebuah jawatankuasa pelajaran telah dibentuk pada September 1955 untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pada masa yang sama, Dasar Pendidikan Kebangsaan juga mengekalkan bahasa dan budaya masyarakat lain.

Selain menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, bahasa Melayu juga dijadikan sebagai bahasa utama dalam bidang pendidikan. Menurut Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, bahasa Melayu dimaktubkan sebagai bahasa Kebangsaan dan wajib digunakan di semua sekolah kerajaan sebagai bahasa penghantar. Dalam keadaan ini, matapelajaran bahasa Melayu dianggap sangat penting dan berkembang pesat selaras dengan Dasar Pendidikan Negara yang ingin menjadikan bahasa Melayu sebagai satu alat untuk menyatupadukan penduduk berbilang kaum di negara ini. Dasar ini

memberikan peluang kepada anak-anak yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum di negara ini bersatu di bawah satu Sistem Pendidikan Kebangsaan yang selaras.

Menurut Perlembagaan Persekutuan 1957, Perkara 152(1) dan Undang-Undang Parlimen lain yang berkaitan dengan bahasa Kebangsaan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membuat polisi supaya semua murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) wajib mempelajari Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kedua (B2) secara formal.

Kerajaan Malaysia mewajibkan pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (B2) di semua SJKT dan SJKC, sejak Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 Seksyen 2 dikuatkuasakan. Bahasa Melayu dijadikan sebagai satu matapelajaran wajib dalam kurikulum sekolah. Bahasa Melayu telah diterapkan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan sekarang dalam (KSSR, KSSM). Selaras dengan itu, setiap pelajar diwajibkan mempelajari bahasa Melayu di sekolah rendah dan diikuti dengan sekolah menengah sehingga di institusi pengajian tinggi awam.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Jurnal Kinabalu Bil. 26(2), 253-276, Disember 2020 Dasar British dan Jepun Terhadap Sekolah Melayu, hampir 90 peratus daripada keseluruhan masyarakat India Selatan diimport ke Tanah Melayu untuk dijadikan buruh di ladang kopi, ladang getah dan ladang kelapa. Hampir kesemua ladang pada zaman pemerintahan British didiami oleh orang India dari negara India Selatan. Pada sekitar penghujung kurun ke-19M, sektor perladangan berkembang pesat. Dalam keadaan ini, kerajaan British mula mengambil berat tentang kebajikan pekerja-pekerja di sektor perladangan.

Dalam keadaan ini, kerajaan British memaksa para pemilik dan pengusaha ladang untuk mendirikan sekolah Tamil di semua ladang. Tujuannya untuk mengekalkan anak-anak menjadi buruh di ladang-ladang. Selain itu, British juga ingin memastikan bekalan tenaga buruh berterusan di kawasan ladang pada masa akan datang. Maka wujudlah sekolah Tamil pertama di Malaysia pada 1816 dan diberi nama 'Penang Free School'. Seterusnya sekolah kedua diwujudkan di negeri Melaka pada 1850 diberi nama sekolah 'Anglo-Tamil, Melaka dan diikuti dengan sekolah St. Xavier Malabar yang di Singapura pada 1859. Satu perkembangan yang pesat berlaku dalam sistem pendidikan Tamil sepanjang era 1900-an. Hal ini kerana kerajaan British dan kumpulan majikan ingin menarik lebih ramai orang India dari India Selatan ke Tanah Melayu dan mengekalkan pekerja India di ladang-ladang walaupun tempoh kontrak tamat. Hal ini berlaku kerana kerisauan kerajaan British dan pemilik ladang jika

berlaku kekurangan pekerja di ladang-ladang getah maka ini akan membabitkan ekonomi negara.

Demi kestabilan ekonomi negara, kerajaan British bertindak drastik dengan mewujudkan *Labour Code Ordinan 1912* bertujuan mewajibkan semua pemilik dan pengusaha ladang menyediakan peluang pendidikan kepada semua anak pekerja mereka. Penubuhan sekolah-sekolah Tamil mula rancak selepas *Labour Code Ordinan 1912* diwujudkan. Menurut sistem ini, anak-anak yang berumur 10-14 tahun wajib diberikan pendidikan. Selepas berlaku perubahan peringkat demi peringkat, kini terdapat sebanyak 526 buah sekolah Tamil di negara Malaysia (Persatuan Guru-Guru Besar Sekolah Tamil Malaysia (2024). Menurut SS.Pandian, Pengerusi Majlis Guru Besar Sekolah Tamil Kebangsaan (2024) terdapat 97 buah Sekolah Tamil di negeri Selangor yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua secara formal.

Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid bukan penutur jati pada masa ini menjadi satu cabaran yang besar dalam sistem pendidikan walaupun negara kita sudah mencapai kemerdekaan 63 tahun yang dahulu. Pada era globalisasi ini, Kementerian Pendidikan telah membuat pelbagai perubahan dan pembangunan dalam sistem pendidikan. Salah satu daripadanya ialah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat satu rombakan dan transformasi dalam sistem pendidikan dengan menggariskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2011) demi meningkatkan kualiti

sistem pendidikan di Malaysia. Elemen aspirasi sistem dan aspirasi murid diberi keutamaan dalam sistem pendidikan di Malaysia demi menghasilkan murid yang terbaik dan berani menghadapi segala cabaran dalam ekonomi pada abad ke-21 ini. Secara keseluruhannya, sistem pendidikan Malaysia berhasrat untuk mencapai lima kerberhasilan dalam aspirasi iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Aspirasi murid merujuk kepada sistem pendidikan yang berprestasi tinggi untuk membina perincian bagi kemahiran khusus dan atribut yang boleh diterapkan kepada murid untuk membolehkan mereka menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global masa depan. Pada masa yang sama pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti nasional merupakan aspek yang diberi keutamaan dalam aspirasi murid dalam sistem pendidikan.

Anjakan utama dalam transformasi sistem pendidikan negara terdiri daripada menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti yang bertaraf antarabangsa; memastikan bahawa semua murid menguasai kemahiran dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bahasa lain; melahirkan rakyat yang menghayati nilai; mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan; memastikan bahawa kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah, mengupayakan Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan, mentransformasikan kebolehan dan keupayaan penyampaian kementerian, bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas; memaksimumkan keberhasilan

murid bagi setiap ringgit dan yang terakhir meningkatkan ketelusan untuk kebertanggungjawaban awam secara langsung.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 2010 dan mula dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011. KSSR mengutamakan prinsip pendekatan bersepadu yang mengutamakan unsur pengetahuan kemahiran dan penggabungan nilai demi mewujudkan kesepaduan dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial. Bagi mencapai perkembangan individu secara menyeluruh, semua matapelajaran yang diajar dapat memenuhi keperluan intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial, seterusnya mengembangkan setiap potensi murid secara bersepadu. KSSR memberikan peluang kepada semua murid untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran secara menyeluruh dan seimbang melalui dasar pendidikan yang saksama kepada semua murid bagi menghadapi cabaran kehidupan dan pendidikan sepanjang hayat.

Selain itu, peruntukan masa minimum jam bagi matapelajaran Bahasa Melayu di SJKT adalah sebanyak 160 jam bagi tahap 1 dan sebanyak 144 minimum jam setahun bagi tahap 2. Manakala di sekolah kebangsaan pula minimum jam adalah 192 bagi tahap 1 dan sebanyak 160 jam bagi tahap 2.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran iaitu DSKP (2016) telah digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan murid menguasai tahap penguasaan yang telah ditetapkan melalui garis panduan

mengikut umur atau darjah peringkat tahun persekolahan. Menurut DSKP Bahasa Melayu, standard prestasi perlu dicapai oleh setiap murid pada akhir tahun sesi persekolahan.

Walaupun kemahiran berbahasa Melayu ditetapkan sebagai komponen utama dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), namun murid wajib menguasai dan mempelajari dua aspek utama iaitu aspek tatabahasa dan aspek seni bahasa. Menurut DSKP bahasa Melayu, setiap murid yang menamatkan sekolah rendah sepatutnya sudah mengetahui kemahiran menulis huruf, suku kata dan ayat secara mekanis dengan betul dan kemas.

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah telah digubal untuk memberikan penekanan kepada Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP). Kedua-dua standard perlu diketahui dan dilaksanakan oleh murid semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran berpandukan kemahiran bahasa dan sistem bahasa akan disokong oleh elemen pengisian kurikulum.

Dalam kajian ini, penekanan diberikan kepada Modul Aspek Tatabahasa. Namun, fokus utama Modul Aspek Tatabahasa ini adalah tentang morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang menjadi antara elemen utama yang terkandung dalam penulisan karangan. Menurut Siti Rahayu Muhammad 2020, dalam kajian mengatakan bahawa penguasaan tatabahasa bahasa Melayu menjadi masalah dalam kalangan murid yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Selain itu, pembelajaran tatabahasa penting kepada setiap murid dalam menghadapi peperiksaan kerana soalan-soalannya terdiri daripada aspek tatabahasa. Pengajaran dan pembelajaran yang tidak berkesan akan mengakibatkan murid-murid kurang menguasai kemahiran tatabahasa yang betul. Impaknya, mereka akan gagal untuk mengaplikasikan aspek tatabahasa yang telah dipelajari dalam matapelajaran bahasa Melayu. Implikasinya murid-murid akan membuat kesalahan tatabahasa dalam aspek morfologi, sintaksis dan ortografi.

Imbuhan merupakan satu komponen yang luas dalam tatabahasa dimana perlu dikuasai oleh murid pada akhir sesi persekolahan mengikut standard prestasi yang telah ditetapkan oleh KPM. Nik Safiah Karim (2009), menyatakan bahawa imbuhan merupakan sesuatu unit bahasa yang tertentu dan ditambahkan pada bentuk lain dan berlaku perubahan makna sesuatu nahu meliputi imbuhan awalan, imbuhan akhiran, sisipan dan apitan. Pengkaji akan melihat kesalahan penggunaan imbuhan awalan **meN-** dalam kajian ini.

Kesalahan bahasa merupakan satu masalah yang harus diberi perhatian yang serius pada zaman ini. Penggunaan tatabahasa yang salah akan menyebabkan berlakunya kesalahan bahasa. Menurut Zaliza (2017) kesalahan bahasa ialah sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur jati yang terpelajar dan kesilapan itu meliputi semua aspek seperti tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya. Beliau berpendapat masalah kesalahan bahasa ini tidak boleh dipandang remeh

sebaliknya harus diberikan perhatian serius khususnya dalam mengurangkan kesalahan bahasa yang terdiri daripada kesalahan tatabahasa pada peringkat awal lagi, Kesalahan dalam penggunaan tatabahasa akan menjejaskan kualiti kemahiran penulisan.

Hal ini menjadi halangan kepada murid-murid untuk menghasilkan penulisan karangan yang lebih mantap tanpa kesalahan tatabahasa. Noor Hidayu dan Yahya (2016), dalam kajian mereka telah menjelaskan bahawa kemahiran menulis karangan merupakan peringkat tertinggi dalam kemahiran berbahasa. Tatabahasa merupakan satu bidang yang penting dalam Bahasa Melayu dimana ia memainkan peranan penting dalam penulisan murid. Oleh itu, aspek tatabahasa merupakan salah satu unsur penting. Aspek ini perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid untuk membolehkan mereka menguasai sistem bahasa dengan sempurna.

1.3 Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan

Malaysia sebuah negara yang berbilang kaum, maka bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa perpaduan ikut majoriti. Bahasa Melayu wajib diajar di sekolah Tamil dan Cina. Bahasa Melayu diajarkan dalam tahap satu dan tahap dua di semua sekolah kerajaan iaitu Sekolah Jenis kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Semua murid SJKT dan SJKC wajib mengambil Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi matapelajaran Bahasa Melayu yang tidak setaraf atau berbeza dengan kertas soalan Bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan (SK). Murid-murid yang gagal dalam Bahasa

Melayu dikehendaki mengikuti kelas peralihan sebelum memasuki tingkatan satu di peringkat sekolah menengah.

Pemansuhan UPSR dilaksanakan pada tahun 2021 berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 April 2021. Susulan daripada pemansuhan UPSR pemeriksaan Pentaksiran Berdasarkan Bilik Darjah (PBD) mula dilaksanakan pada tahun 2021 dan terus diperkukuhkan. Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) diperkenalkan di peringkat sekolah dan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada PBD sumatif di akhir kalender akademik. UASA melibatkan murid tahap 2 iaitu murid tahun 4, 5 dan 6. Semua murid tahap 2 wajib menduduki ujian ini pada akhir sesi akademik. Instrumen, pentaksiran dan panduan penskoran bagi murid sekolah rendah tahap 2 melibatkan 6 matapelajaran teras termasuk Bahasa Melayu. Murid tahun 6 yang dapat tahap penguasaan minimum 3 dalam UASA layak masuk ke tingkatan 1 di sekolah menengah manakala murid yang dapat tahap penguasaan 1 dan 2 dikehendaki masuk ke peralihan di sekolah menengah. Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa kedua dalam kalangan penutur bukan jati memainkan peranan penting dalam kecemerlangan akademik demi masa hadapan.

Menurut, Hassan Ahmad, 1999, bahasa Melayu dikenali sebagai bahasa pengantar persekolahan yang memperlihatkan kepentingannya dalam sistem pendidikan negara. Ini boleh dilihat di dalam Sijil Penilaian Malaysia (SPM), pelajar yang ingin menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan ingin menjawat jawatan awam wajiblah lulus matapelajaran Bahasa Melayu.

Pada era globalisasi ini, penguasaan bahasa Melayu menjadi masalah dalam kalangan murid bukan penutur natif yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua walaupun mengalami transformasi dalam bidang pendidikan.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025) pula kerajaan telah menyenaraikan aspirasi sistem dan aspirasi murid untuk menghasilkan murid yang terbaik menghadapi cabaran ekonomi pada abad ke-21. Usaha kerajaan dalam mentransfomasikan sistem pendidikan melalui anjakan utama, iaitu mewujudkan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti yang bertaraf antarabangsa. Terdapat beberapa kompenen dalam anjakan tersebut. Salah satu daripadanya adalah memastikan semua murid menguasai kemahiran dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta bahasa lain.

Walaupun kerajaan mengambil usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu, namun murid-murid SJKT mengalami kesukaran dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bermula dari prasekolah hingga tahun enam. Walaupun masa pengajaran untuk bahasa kedua lebih daripada pengajaran subjek lain, namun tahap penguasaan murid-murid tidak dapat dinafikan.

Batik Anak Bidin (2011) telah menegaskan bahawa keputusan yang kurang baik dalam matapelajaran Bahasa Melayu akan menjejaskan keseluruhan keputusan seseorang murid. Beliau mengatakan bahawa masalah yang utama dalam pembelajaran bahasa Melayu ialah bahasa Melayu diajar terlalu formal dan tidak ada persamaan kegunaannya dengan bahasa pertuturan iaitu bahasa ibunda. Bukan itu sahaja, ada yang berpendapat bahawa bahasa

kedua yang diajar di dalam bilik darjah tidak mengambil kira faktor sosial dan budaya murid.

Murid-murid di SJKT mesti ada strategik pembelajaran yang tepat untuk menguasai bahasa Melayu. Roshidah Hassan (2017), mengkaji tentang strategik dan gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar Perancis dalam pembelajaran bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar Perancis lebih bergantung kepada pembelajaran yang disampaikan di dalam kelas. Dalam keadaan sedemikian, guru memainkan peranan penting bagi murid-murid untuk menguasai Bahasa Melayu dengan sempurna.

Norizan Che Su & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2013) menyatakan bahawa pengetahuan dan penguasaan kosa kata sangat penting dalam pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Hal ini membolehkan seseorang itu berkomunikasi dengan lancar sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan. Penguasaan kosa kata yang luas menjadi salah satu aspek yang penting dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa. Seseorang yang banyak menguasai kosa kata, sudah tentunya mereka mampu dan berupaya untuk mengungkapkan sesuatu dengan yakin dan berkesan.

Norizan Che Su (2018), dalam kajian tentang Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing telah menegaskan bahawa bahasa ibunda sangat mempengaruhi pelajar dalam penulisan ayat bahasa Melayu. Peruntukan masa bagi tahap satu dalam seminggu adalah 300 minit manakala bagi tahap dua pula 240 minit.

Walaupun peruntukan masa bagi pengajaran Bahasa Melayu mencukupi, namun keputusan peperiksaan masih menunjukkan pencapaian yang kurang memuaskan di SJKT.

Memang tidak dinafikan bahawa bahasa memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran. Terdapat tiga kemahiran utama dalam bahasa Melayu iaitu kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Murid-murid yang berjaya menguasai kemahiran-kemahiran tersebut dianggap telah menguasai bahasa Melayu dengan sempurna.

1.4 Penguasaan tatabahasa dalam kalangan murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Keempat (2023), tatabahasa ditakrifkan sebagai satu pengetahuan atau pembelajaran tentang pembentukan perkataan dan proses pembinaan ayat ataupun dalam kata lain disebut penyusunan kata dalam ayat. Tatabahasa merupakan unsur penting dalam proses pembelajaran dan penguasaan Bahasa Melayu. Unsur ini perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid bagi menguasai bahasa dengan mahir. Noor Zila Md. Yusuf (2015), mengatakan bahawa secara umumnya, kemahiran bertutur dan penguasaan tatabahasa memainkan peranan yang penting dalam penguasaan sesuatu bahasa baharu.

Menurut Zaliza Mohamad Nasir (2017), kesalahan bahasa adalah sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur jati yang terpelajar. Kesilapan tersebut

terdiri daripada aspek seperti tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya.

Namun, penguasaan tatabahasa dalam penulisan karangan murid-murid SJKT berada pada tahap yang lemah. Kegagalan SJKT untuk mendapatkan markah yang tinggi dalam peperiksaan UPSR dan UASA bagi matapelajaran Bahasa Melayu penulisan disebabkan oleh kelemahan murid-murid dalam penguasaan tatabahasa. Keadaan sedemikian berlaku disebabkan oleh pemindahan bahasa pertama (B1) ke dalam pembelajaran bahasa kedua (B2). Fenomena ini berkaitan dengan kecenderungan murid B2 membawa atau memindahkan peraturan sistem bunyi, tatabahasa dan leksiko-semantik bahasa ibunda ke dalam B2 yang dipelajari. Pemindahan bahasa yang bersifat negatif ini secara tidak langsung akan menyebabkan berlaku kesilapan atau kesalahan bahasa. Kesilapan atau kesalahan tersebut mencerminkan kelemahan murid-murid dalam kemahiran tatabahasa.

Menurut Corder (1973), kesilapan bahasa merupakan proses pembelajaran dan kesilapan tersebut boleh diselesaikan. Selain itu, Corder juga mengatakan bahawa kesilapan penting terhadap tiga golongan iaitu, golongan pengajar untuk menunjukkan perkembangan prestasi, kesilapan bahasa pengkaji untuk menunjukkan cara pemerolehan bahasa dan strategik pelajar dan yang terakhir adalah golongan pelajar dan mereka juga boleh mempelajari kesilapan bahasa yang mereka lakukan.

Kelemahan penguasaan tatabahasa berpunca daripada kesalahan atau kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh murid-murid dalam penulisan. Menurut Bell (1981), kesilapan bermaksud bentuk penuturan yang menyalahi tatabahasa atau struktur sesuatu bahasa. Kesilapan ini wujud akibat daripada ketidaksempurnaan penguasaan bahasa oleh penutur. Menurut beliau, kesalahan pula ditakrifkan sebagai penggunaan bentuk-bentuk bahasa yang tidak sesuai dengan konteks sosial yang telah ditentukan oleh masyarakat penutur atau bentuk penggunaan bahasa yang menyalahi ciri-ciri ketatasusilaan bahasa yang telah ditetapkan secara konvensional oleh masyarakat penutur sesuatu bahasa itu. Ketidakecakapan penutur menggunakan laras bahasa yang sesuai dalam konteks yang tertentu merupakan salah satu daripada punca kesalahan jenis ini.

Namun, Corder (1981) pula mendefinisikan kesilapan bahasa sebagai bentuk pertuturan yang menyimpang atau menyalahi bentuk pertuturan penutur jati. Beliau menegaskan bahawa kesilapan bahasa merupakan bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur jati yang terpelajar dan kesilapan itu meliputi semua aspek seperti tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya.

Menurut Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) dalam kajiannya yang bertajuk Kesilapan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademik Pengajian Melayu telah membuktikan bahawa penguasaan Bahasa Melayu yang asas ini akan menjadi masalah

dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam kalangan murid bukan penutur jati bahasa Melayu. Oleh yang demikian, kajian lanjutan, saranan dan cadangan yang berkaitan perlu diketengahkan untuk membantu murid mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik.

1.5 Penguasaan imbuhan dalam penulisan karangan murid-murid SJKT

Pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah memberikan tumpuan pada murid untuk menguasai hasil pembelajaran bagi kemahiran lisan, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Daripada ketiga-tiga kemahiran ini, kemahiran menulis dianggap paling sukar untuk dikuasai. Kemahiran menulis merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh semua murid. Membina ayat merupakan salah satu aspek penting dalam kemahiran menulis dalam bahasa Melayu. Banyak kajian yang telah dijalankan tentang kesalahan penggunaan imbuhan dalam penulisan. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menghadapi masalah dalam penulisan terutamanya dalam pembinaan ayat yang gramatis.

Kegagalan murid menulis ayat yang gramatis menyebabkan mereka gagal menulis satu karangan yang berkualiti. Memang tidak dinafikan bahawa penulisan karangan dalam kalangan murid-murid SJKT berada pada tahap yang lemah. Daripada kajian lepas membuktikan bahawa murid-murid melakukan kesilapan dalam aspek morfologi secara luas. Kajian yang dilakukan oleh Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016), tentang kesilapan bahasa Melayu yang sering dilakukan oleh pelajar Universiti kebangsaan

Yunnan Chinna. Kajian membuktikan bahawa tahap pencapaian pelajar adalah sederhana dalam aspek morfologi, sintaksis dan mekanikal.

Wong Shia Ho (2015), mengkaji tentang tatabahasa dan ejaan dalam buku teks Geografi Tingkatan Satu telah membuktikan bahawa kesilapan ejaan sering dilakukan oleh pelajar bahasa Melayu yang menjadikannya sebagai bahasa kedua. Kajian juga mengenal pasti dan membincangkan kesalahan imbuhan yang sering dilakukan oleh murid-murid India dalam bidang imbuhan awalan, akhiran dan apitan menggunakan Teori Analisa Kesalahan Corder (1973).

Nik Safian Karim et al.(2009) pula mentakrifkan imbuhan sebagai suatu unit bahasa yang tertentu dan ditambahkan pada bentuk lain, kemudian berlaku perubahan makna sesuatu nahu yang terdiri daripada imbuhan awalan, imbuhan akhiran, sisipan dan apitan.

Menurut Kamus Linguistik 1997, imbuhan merupakan morfem terikat yang diletakkan sama ada pada awal, tengah atau akhir sesuatu kata akar atau kata dasar untuk membentuk satu kata baharu. Morfem terikat tersebut lazimnya membawa makna kenahuan tertentu yang mengubah makna kenahuan kata baharu yang terhasil.

Za'ba (1965), Abdullah (1987), Asmah (1993), Hashim (1993) dan Nik Safiah et al. (1993) antara tokoh bahasa yang pernah membincangkan imbuhan, terutama yang berkaitan dengan aspek makna.

Nurul Adwa Ahamad & Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2020) dalam kajiannya tentang kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan dan hubung kait dari segi makna berdasarkan konsep makna gramatikal dan mengaplikasikan prosedur Analisis Kesalahan Corder (1973) mengatakan bahawa kesalahan imbuhan pasti mempunyai hubung kait dengan makna. Penggunaan imbuhan yang salah akan menjejaskan makna ayat yang sepatutnya ingin disampaikan. Penggunaan imbuhan yang tepat mempengaruhi binaan struktur ayat yang gramatis dalam penulisan karangan dan menyumbang kepada penghasilan karangan yang mantap.

Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa kesalahan penggunaan imbuhan merupakan masalah yang ketara dilakukan oleh murid-murid khasnya dalam penulisan karangan. Kesalahan penggunaan imbuhan adalah disebabkan oleh kelemahan penguasaan tatabahasa seseorang murid. Ketidakecakapan murid-murid menggunakan laras bahasa yang sesuai dalam konteks yang tertentu merupakan salah satu daripada punca berlaku kesalahan jenis ini.

1.6 Penyataan Masalah

Memang tidak dinafikan bahawa kelemahan penguasaan tatabahasa dalam kalangan murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil menjurus kepada berlakunya banyak kesalahan dalam penulisan karangan. Kajian tentang kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid-murid dalam penulisan karangan adalah sangat penting untuk diteliti. Menurut Nawis Ismail (1996:39) kesalahan bahasa merupakan satu gejala biasa yang dialami oleh individu

dalam proses pembelajaran bahasa. Makna sesuatu kata boleh berubah apabila berlaku kesalahan ejaan. Kesalahan dalam bahasa Melayu disebabkan oleh kelemahan murid-murid dalam penguasaan tatabahasa.

Hal ini terkandung dalam kajian Teo Kee Huei (1990:1) yang mengatakan bahawa terdapat banyak jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan karangan, iaitu kesalahan ejaan, kesalahan penggunaan tanda baca, kesalahan penggunaan kata yang terdiri daripada kesalahan penggunaan kata berimbuhan, penggunaan kata sendi, penggunaan kata yang tidak bersesuaian dan sebagainya.

Mulai 1982, pembelajaran BM menjadi penting kepada semua murid setelah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyeragamkan pelaksanaan pendidikan BM sebagai bahasa pengantar rasmi dalam sistem persekolahan Malaysia. Menurut dasar ini, semua murid wajib menduduki peperiksaan BM sebagai medium. Sehubungan dengan itu, semua murid secara teorinya harus menguasai BM dengan baik dan sempurna (Zamri & Mohamed Amin 2008).

Lembaga Peperiksaan Malaysia telah mengeluarkan satu laporan bagi meluahkan kebimbangan tentang kemerosotan pencapaian dalam peperiksaan murid bukan Melayu dalam subjek BM semakin mendukacitakan. Sehubungan itu, ada pandangan daripada individu yang disiarkan dalam Berita harian, 23 November 2017 seperti berikut:

'Kementerian Pendidikan mengambil langkah yang proaktif dengan segera untuk mengatasi masalah kelemahan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu, khususnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Datuk Seri Ikmal Hisham Abd Aziz (BN-Tanah Merah) berkata, langkah itu perlu dilakukan untuk mengelakkan kelemahan penguasaan Bahasa Melayu akan dijadikan alasan oleh pihak tertentu untuk membuat tuntutan supaya bahasa kebangsaan tidak diwajibkan dalam pengajaran dan pembelajaran di SJK.'

Zaliza Mohamad Nasir (2017) mengkaji tentang Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar dalam kalangan pelajar Indonesia yang mempelajari kursus Bahasa Malaysia Penulisan Ilmiah. Menurut Zaliza, pengajaran bahasa Melayu kepada penutur bahasa kedua bergantung kepada kebijaksanaan dan kreativiti pengajar dalam merancang dan melaksanakan rancangan pengajaran mereka.

Menurut pengkaji, Kajian Zaliza (2017) hanya merujuk kepada penguasaan tatabahasa yang dianggap sangat penting kerana menjadi asas penulisan karangan dalam memperkembangkan isi fakta sesuatu karangan.

Menurut kajian Anne Jeffrey Kihob (2021), pengimbuhan yang tidak tepat dalam penulisan boleh mengganggu kegramatisan Bahasa Melayu standard. Kesannya, murid telah mencipta istilah baharu yang melanggar peraturan tatabahasa Bahasa Melayu. Beliau mengatakan bahawa aspek pengimbuhan

merupakan nahu Bahasa Melayu yang wajib dikuasai oleh murid kerana agak sukar untuk membina ayat yang tidak melalui proses penerbitan.

Menurut Teo Kee Huei (1990:1), dengan adanya hasil dapatan beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji tempatan mahupun dari luar negara jelas menunjukkan bahawa para pelajar masih lagi menghadapi masalah dalam penguasaan tatabahasa. Tahap penguasaan tatabahasa dalam kalangan murid-murid bukan Melayu berada pada tahap yang kurang memuaskan. Ini telah dibuktikan oleh Amirra Shazreena Amirul Razin (2019) dalam kajian Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid tidak menguasai imbuhan awalan dan akhir sepenuhnya. Kajian Nurul Adwa Ahamad (2021) sependapat dengan kajian Amirra Shazreena Amirul Razin (2019) mengatakan bahawa murid mengalami masalah yang paling ketara dari segi kesalahan imbuhan awalan **meN-**. Dapatan kajian menunjukkan kesalahan kesalahan imbuhan mempunyai hubung kait dari segi makna gramatikal. Perubahan suatu bentuk kata selepas mengalami proses pengimbuhan akan memberi kesan terhadap perubahan makna gramatikal dan makna konteks ayat tersebut. Jika murid menggunakan imbuhan yang salah, maka tidak dapat menyampaikan makna ayat itu seperti mana yang ingin disampaikan.

Dalam keadaan ini, pengkaji sebagai pengajar Bahasa Melayu dipanggil untuk mengahdiri mesyuarat panitia bahasa Melayu daerah Kuala Selangor pada 20

Mac 2019 yang telah diadakan di SJKT Bestari Jaya. Dalam mesyuarat tersebut, isu utama yang dibangkitkan dan dibincangkan adalah tentang masalah yang dihadapi oleh semua SJKT daerah Kuala Selangor iaitu keputusan peperiksaan UPSR matapelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid India semakin menurun. Pencapaian yang semakin merosot membimbangkan semua tenaga pengajar matapelajaran bahasa Melayu di sekolah tersebut.

Daerah Kuala Selangor merupakan satu-satunya daerah di negeri Selangor yang memiliki bilangan SJKT yang paling banyak iaitu sebanyak 20 buah sekolah. Penurunan keputusan UPSR Bahasa Melayu SJKT mewujudkan satu kepincangan antara pegawai Unit Bahasa, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dengan pentadbir sekolah-sekolah Tamil daerah Kuala Selangor. Kepincangan ini wujud kerana tidak ada sebarang usaha untuk mengatasi masalah ini. Pengkaji sebagai salah seorang pengajar mendapati bahawa tidak ada sebarang tindakan atau usaha untuk mengatasi masalah ini dengan cara mengadakan perbincangan atau mengadakan program intervensi.

Menurut seorang guru dari SJKT Bestari Jaya, Kuala Selangor, murid sekolah tersebut mengalami masalah dalam bahagian C kertas 2 iaitu penulisan karangan. Beliau mendapati bahawa, murid gagal menggunakan imbuhan yang tepat semasa menulis ayat dalam penulisan karangan. Kegagalan penggunaan imbuhan yang tepat dalam ayat telah menjejaskan kegramatisan ayat dan maksud ayat tersebut. Maka, murid tidak dapat menghasilkan sebuah karangan yang mantap.

Dalam kajian Anne Jeffrey Kihob (2021), murid-murid masih bermasalah dalam penguasaan imbuhan. Kelemahan penguasaan varian imbuhan awalan menyebabkan kesalahan morfologi, ejaan dan ketidakgramatisan ayat yang dibina oleh murid dalam penulisan. Menurut Anne Jeffrey Kihob (2021), Kekeliruan pengimbuhan mudah berlaku dalam imbuhan awalan **meN-** kerana imbuhan awalan **meN-** melibatkan empat varian yang bergantung pada huruf pertama kata dasar yang mahu diimbuhkan dengan varian **meN-**. Ini menimbulkan masalah kepada murid yang tidak tahu tentang rumus perubahan yang dimaksudkan. Maka, tidak mustahil berlaku penggabungan varian morfem **meN-** mengikut pertimbangan murid sendiri yang difikirkan betul.

Keadaan sedemikian memberikan satu lompang dan peluang kepada pengkaji untuk membuat kajian tentang Penguasaan Imbuhan Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) terutamanya tentang imbuhan awalan **meN-**. Pada pendapat pengkaji, belum ada kajian terperinci untuk mengatasi masalah ini. Pengkaji berharap agar kajian ini akan membantu untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid dan guru-guru SJKT yang mengajar matapelajaran Bahasa Melayu di daerah Kuala Selangor dan seterusnya semua SJKT di seluruh negara.

Artikel yang dipetik daripada Berita harian pada 23 November telah menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan digesa mengambil langkah proaktif dengan segera bagi mengatasi masalah kelemahan penguasaan

Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu, khususnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Datuk Seri Ikmal Hisham Abd Aziz (BN-Tanah Merah) berkata, langkah itu perlu dilakukan untuk mengelakkan kelemahan penguasaan bahasa Melayu yang akan dijadikan alasan oleh pihak tertentu untuk membuat tuntutan supaya bahasa kebangsaan tidak diwajibkan dalam pengajaran dan pembelajaran di SJK.

Zaliza Mohamad Nasir (2017) mengkaji Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar kalangan pelajar Indonesia yang mempelajari kursus Bahasa Malaysia Penulisan Ilmiah. Pengkaji mendapati bahawa pengajaran bahasa Melayu kepada penutur bahasa kedua amat bergantung kepada kebijaksanaan dan kreativiti pengajar dalam merancang dan melaksanakan rancangan pengajaran mereka.

Pencapaian dalam UPSR dan UASA bagi matapelajaran BM menunjukkan perbezaan yang amat ketara antara murid SK, SJKT dan SJKC. Perkara yang amat mendukacitakan ialah SJKT menunjukkan pencapaian yang sangat rendah dalam BM berbanding dengan SK dan SJKC.

Menurut Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Dr Khair Mohamad Yusof (2015), lima kertas peperiksaan menunjukkan penurunan prestasi berdasarkan Gred Purata Matapelajaran (GPMP), berbanding tahun 2014. Salah satu daripadanya ialah Bahasa Melayu (Pemahaman) di SJK. Hal ini menjadi satu petanda yang sangat jelas dan menunjukkan murid SJK belum menguasai BM mengikut kurikulum standard yang ditetapkan.

Pengkaji juga memetik satu lagi artikel daripada Berita Harian pada Selasa, 21 Oktober 2014 oleh Datuk Seri Najib Razak, ketika memberikan jaminan kepada masyarakat Cina minggu lalu bahawa pembelajaran bahasa ibunda di SJKC termaktub dalam Perlembagaan, turut meminta supaya penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mereka dipertingkatkan agar lepasan sekolah itu boleh bertutur bahasa kebangsaan dengan lancar dan fasih.

Hasil daripada pemerhatian, pengkaji sebagai pengajar bahasa Melayu di salah sebuah SJKT daerah Kuala Selangor mendapati bahawa jika murid-murid tahun 6 mendapat keputusan yang kurang memberangsangkan dalam matapelajaran Bahasa Melayu maka guru bahasa Melayu darjah 1 hingga 5 yang dituduh kerana gagal memantapkan kemahiran tatabahasa murid yang lemah sebelum melangkah ke darjah 6. Sedangkan guru bahasa Melayu darjah 1 hingga 5 merupakan guru bukan opsyen bahasa Melayu yang mempunyai pengalaman lama dalam pengajaran bahasa Melayu. Masalah ini berterusan sehingga menjejaskan kualiti keputusan UPSR dalam matapelajaran bahasa Melayu. Lebih-lebih lagi, proses untuk mempelajari bahasa Melayu bukanlah suatu proses yang mudah terutama kepada murid yang jarang bertutur dalam bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan harian (Angela dan Zamri 2019, Nora'azian dan Fadzilah 2018).

Pengkaji mendapati bahawa kelemahan dalam penguasaan tatabahasa sering berlaku dalam kalangan penutur bukan Melayu dari murid sekolah rendah sehingga insitusi pengajian tinggi. Berdasarkan dapatan kajian oleh Alhaadi dan Zaitul Azma (2018), Wan Wan Muna Ruzanna, Maz Abu Supian dan Mohd

Jasmy (2018), Nur Eliani dan Che Ibrahim (2017) serta Nor Hashimah dan Adriana Santa (2016), murid bukan penutur natif kerap melakukan kesalahan tatabahasa, khususnya dalam aspek penggunaan imbuhan semasa menulis karangan.

Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa satu kajian tentang tahap penguasaan tatabahasa khususnya imbuhan awalan **meN-** perlu dibuat terhadap murid-murid bukan penutur jati bagi mengenal pasti dan menganalisis masalah yang dihadapi oleh mereka dalam penulisan karangan. Ini memberikan lompang kepada pengkaji membuat kajian mengenai Penguasaan Imbuhan Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Imbuhan merupakan satu bidang yang luas dan mengambil jangka masa yang panjang untuk menguasai sepenuhnya. Dalam keadaan sedemikian pengkaji hanya berfokus kepada kesalahan imbuhan awalan **meN-** dalam penulisan karangan murid SJKT daerah Kuala Selangor. Pada umumnya tatabahasa dalam bahasa Melayu mencakupi dua bidang, iaitu morfologi dan sintaksis (Nik Safiah Karim et al.,2004).

Dalam kajian ini, pengkaji mengenal pasti, menganalisis dan merumus dan membincangkan kesalahan dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam Penguasaan Imbuhan Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Hal ini kerana imbuhan adalah salah satu komponen dalam tatabahasa memainkan peranan penting dalam kemahiran menulis.

Penggunaan imbuhan yang tepat sangat penting dalam penulisan bagi menghasilkan sebuah karangan yang mantap dan bermutu tinggi.

Kajian ini dimulakan berdasarkan isu dan data keputusan UPSR 2019. Pemansuhan UPSR dilaksanakan mulai tahun 2021 berdasarkan Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 April 2021. Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) dilaksanakan sebahagian daripada PBD sumatif di akhir kalender akademik. UASA merupakan pentaksiran pusat. UASA melibatkan murid tahun 4, 5 dan 6. Perubahan ini tidak menjejaskan kajian pengkaji kerana instrumen pentaksiran dan panduan penskoran melibatkan 5 matapelajaran termasuk Bahasa Melayu. Bahasa Melayu menjadi pengukur sama ada murid masuk ke peralihan atau tingkatan 1.

Oleh yang demikian, pernyataan masalah kajian ini menunjukkan bahawa masih berlaku masalah penguasaan imbuhan dalam kalangan murid SJKT yang diakui oleh sarjana tempatan tentang perkara ini. Seterusnya, kajian terdahulu juga menunjukkan kelompangan yang perlu diisi penyelasainnya berkaitan penguasaan imbuhan dan penulisan karangannya selama ini hanya tertumpu kepada penutur jati.

1.7 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis kesalahan imbuhan menerusi karangan yang dihasilkan oleh murid-murid tahun 5 SJKT daerah Kuala Selangor dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menenal pasti kelemahan murid-murid SJKT Kuala Selangor dalam penulisan karangan bahasa Melayu.
2. Menganalisis tahap penguasaan imbuhan awalan **meN-** dalam penulisan karangan murid-murid.
3. Membincangkan faktor yang mendorong murid-murid menguasai imbuhan awalan **meN-** dengan tepat.
4. Merumus kesalahan imbuhan awalan **meN-** meningkatkan keberkesanan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

1.8 Persoalan Operasional

1. Apakah kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh murid-murid dalam penulisan karangan murid- murid?
2. Bagaimanakah kesalahan penggunaan imbuhan awalan **meN-** dalam penulisan murid-murid dapat dianalisis?
3. Apakah faktor yang menyebabkan murid-murid salah dari segi penggunaan imbuhan awalan **meN** dalam penulisan karangan mereka?
4. Bagaimanakah kesalahan imbuhan awalan **meN-** dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ?

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini berfokus kepada penguasaan tatabahasa dalam penulisan karangan dari aspek penggunaan imbuhan. Imbuhan merupakan salah satu bidang tatabahasa yang kompleks dan mengambil satu jangka masa yang lama untuk mempelajari secara sepenuhnya. Penggunaan imbuhan yang tepat dapat menyumbangkan keberkesanan dalam komunikasi dan pencapaian murid dalam peperiksaan. Dengan megahnya boleh mengatakan bahawa satu-satunya daerah yang mempunyai sekolah Tamil yang banyak di Negeri Selangor ialah daerah Kuala Selangor. Terdapat 20 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di daerah Kuala Selangor.

Kajian ini dijalankan di 10 buah SJKT yang terpilih di daerah Kuala Selangor. Pemilihan 10 buah SJKT adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria tertentu. Sepuluh SJKT yang terpilih itu terdiri daripada 2 buah sekolah besar dan 8 buah sekolah kurang murid (SKM). Tahap penguasaan imbuhan di SJKT lebih menyeluruh dengan mengkaji 10 buah sekolah. Sepuluh buah sekolah tersebut menjadi data kajian kerana terdapat paling banyak SJKT di daerah Kuala Selangor dan menjadi keutamaan dalam mencapai keputusan yang baik untuk pencapaian cemerlang peringkat negeri Selangor.

Kajian ini dibataskan kepada 140 orang murid tahun 5 yang dipilih secara rawak dan secara terus di setiap sekolah tersebut. Pemilihan responden adalah berdasarkan kepada Pemilihan secara rawak mudah: Cohen, Manion dan Morrison 2001(Defining Identification: A Theoretical Look at the Identification of Audiences with Media Characters). Seramai 140 orang murid tahun 5 dikenal pasti dan dipilih sebagai responden daripada jumlah keseluruhan murid seramai 212 orang.

Rasional pemilihan murid tahun 5 SJKT disebabkan oleh tempoh dan tahap yang paling sesuai untuk membentuk dan membimbing murid tentang imbuhan awalan **meN-** dalam Bahasa Melayu. Hal ini dapat memberi pengetahuan yang tepat dan betul untuk memperbetulkan kesalahan yang dilakukan oleh murid dan memastikan kebiasaan imbuhan yang betul dalam penulisan karangan Bahasa Melayu yang dapat dibuat sehingga tahun 6.

Berdasarkan tuntutan pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu terutamanya dalam imbuhan, murid sudah mempelajari semua jenis imbuhan

dalam Bahasa Melayu sejak tahun 3 iaitu lingkungan umur 9 tahun. Pemilihan murid tahun 5 sebagai responden dalam kajian ini adalah menepati kehendak kajian kerana pada umur 11 tahun murid sudah matang dan mempunyai tahap dapat membezakan yang betul dan salah. Dalam hal ini, kesalahan menggunakan imbuhan awalan **meN-** dapat diketahui dan dibezakan oleh murid tahun 5 yang sudah mempelajari imbuhan dan faktor umur mereka.

Jadual 1.1: Pecahan pemilihan responden adalah seperti yang berikut:

Bil	Nama Sekolah	Jumlah keseluruhan murid tahun 5	Bilangan responden
1.	SJKT Bestari Jaya	80	42
2.	SJKT Vageesar	60	30
3.	SJKT Bukit Cherakah	30	26
4.	SJKT Ladang Riverside	5	5
5.	SJKT Ladang Sungai Buloh	4	4
6.	SJKT Ladang Raja Musa	6	6
7.	SJKT Ladang Sungai Terap	9	9
8.	SJKT Ladang Kuala Selangor	8	8
9.	SJKT Ghandiji	3	3
10.	SJKT Ladang Bukit Rotan Baru	7	7
Jumlah keseluruhan		212	140

Instrumen yang digunakan adalah sebuah tajuk karangan yang dipilih daripada silibus tahun 5. Pengkaji akan memeriksa kesalahan responden dari segi pemilihan imbuhan dalam sampel karangan. Imbuhan terdiri daripada imbuhan awalan, akhiran, apitan dan sisipan. Dalam kajian ini, pengkaji hanya akan memberi fokus kepada imbuhan awalan **meN-** iaitu *me*, *men*, *mem* dan *meng*.

Pengkaji akan menganalisis tentang penggunaan imbuhan awalan **meN-** iaitu *me*, *men*, *mem*, dan *meng*. Pengkaji berharap dapatan kajian ini dapat membantu murid-murid memahami secara mendalam dan memperbaiki tahap penguasaan imbuhan dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Kajian ini juga membantu dan menjadi panduan kepada tenaga pengajar bahasa Melayu untuk mengenali dan membaiki kelemahan yang dihadapi oleh murid-murid dalam pembelajaran imbuhan awalan **meN-** dalam penulisan karangan. Tenaga pengajar pula mampu mempertingkatkan kemahiran tatabahasa demi memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu. Melalui kajian ini, pengkaji berharap pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengambil pelbagai tindakan bagi mengatasi kelemahan murid dalam penulisan.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian yang penting kepada beberapa pihak dalam usaha memperkasakan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara kita.

i) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Lembaga peperiksaan Malaysia (LPM)

Kajian ini wajib dijalankan kerana kajian ini selari dengan kehendak dan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) agar semua murid tidak gagal dalam menguasai kemahiran menulis. Oleh itu, pengkaji berharap agar kajian ini dapat memperbaiki pencapaian murid SJKT dalam matapelajaran Bahasa Melayu dalam UASA di

seluruh Malaysia. Hal ini kerana matapelajaran Bahasa Melayu menjadi penentu kepada murid tahun 6 SJKT sama ada masuk ke peralihan atau tingkatan 1. Oleh itu, kecemerlangan murid SJKT dalam matapelajaran Bahasa Melayu mendorong lebih ramai murid akan masuk ke tingkatan 1 di sekolah menengah.

ii) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

Kajian ini bukan sahaja membantu murid SJKT daerah Kuala Selangor demi meningkatkan pencapaian UASA dalam matapelajaran Bahasa Melayu manakala pengkaji berharap kajian ini pasti membantu untuk meningkatkan pencapaian UASA semua SJKT di Malaysia. Hal ini kerana menurut Revathi Rajagopal (2022) dalam kajiannya telah membuktikan murid sekolah Tamil menghadapi masalah untuk membina ayat tanpa kesalahan tatabahasa serta lemah dalam penguasaan bahasa. Maka, kajian ini pasti membantu semua SJKT dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

iii) Murid-murid

Kajian ini bukan sahaja memberi manfaat kepada murid-murid di SJKT daerah Kuala Selangor sedangkan murid-murid SJKT di seluruh Malaysia mendapat peluang untuk mengenali kesalahan yang dilakukan dalam imbuhan awalan **meN-** dalam penulisan. Mereka juga dapat memahami tentang penggunaan imbuha awalan **meN-** yang tepat dalam pelbagai konteks dengan betul. Mereka juga dapat memantapkan penguasaan tatabahasa. Ini secara langsungnya akan memantapkan penguasaan bahasa Melayu, sama ada

secara pertuturan dan penulisan. Hal ini akan meningkatkan keyakinan diri dan motivasi murid-murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Lantaran, kajian ini juga mendorong murid-murid bersikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu terutamanya dalam penulisan karangan. Jika kesilapan ditangani maka secara automatiknya dapat menangani kelemahan imbuhan dalam penulisan karangan murid-murid bukan sahaja di SJKT daerah Kuala Selangor pada hal dapat ditangani masalah yang dihadapi oleh murid-murid bukan penutur jati di seluruh Malaysia. Tatabahasa menjadi akar umbi dalam penguasaan bahasa Melayu dari segi pertuturan dan penulisan. Imbuhan merupakan bidang yang luas dan wajib dikuasai oleh murid untuk menghasilkan penulisan yang mantap.

iv) Guru-guru

Kajian ini memberi satu gambaran yang jelas kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di SJKT seluruh Malaysia. Kajian ini memberi peluang kepada guru Bahasa Melayu untuk mengenali dan memperbaiki kelemahan murid dalam tatabahasa khususnya dalam imbuhan awalan *meN-*.

Hal ini kerana guru memainkan peranan penting dalam mengembangkan ilmu Bahasa Melayu melalui penulisan karangan. Hal ini telah dinyatakan oleh Chew Fong Peng (2023) dalam kajiannya iaitu guru-guru Bahasa Melayu perlu memainkan peranan yang penting supaya murid dapat menguasai kemahiran

menulis. Guru-guru lebih arif tentang penggunaan imbuhan awalan **men-** dalam pelbagai konteks penulisan karangan.

Secara langsungnya akan meningkatkan motivasi guru untuk merancang dan menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan penuh efisien. Guru yang bermotivasi tinggi dan bersikap positif mampu mengubah pencapaian UASA khususnya dalam matapelajaran Bahasa Melayu. Kejayaan sesuatu pengajaran bahasa sangat bergantung pada peranan yang dimainkan oleh guru. Pemupukan sikap berbahasa secara berkesan dan sistematik hendaklah menjadi tanggungjawab semua guru. Bujang, Jamayah dan Khalid (2019) dalam kajian tentang Penguasaan Morfologi Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Murid Melayu Sarawak telah membuktikan bahawa guru haruslah berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur jati terutama di Kawasan luar bandar agar murid tidak ketinggalan dalam penguasaan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat menengah rendah.

Pengkaji berharap agar penyelidikan yang dijalankan ini boleh menjadi bahan rujukan kepada guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di semua sekolah.

v) Ibu bapa

Kajian ini juga membantu ibu bapa untuk meningkatkan dan memantapkan penguasaan tatabahasa dalam pertuturan dan penulisan dalam kehidupan seharian. Mereka boleh membimbing anak-anak semasa membuat kerja

rumah yang diberikan oleh guru dan latihan tambahan. Ibu bapa ialah insan yang sentiasa berada pada sisi anak-anak di rumah. Menurut Karim Bin Harun (2023), sokongan ibu bapa dan keluarga amat digalakkan untuk menambah baik tahap penguasaan kosa kata Bahasa Melayu. Hal ini kerana sokongan daripada keluarga akan mengubah sikap dan tingkah laku murid-murid dalam pembelajaran di sekolah.

vi) Warga pendidik

Semua warga pendidik tentu mendapat manfaat daripada kajian ini. Warga pendidik dapat mengatasi kelemahan mereka dalam penggunaan imbuhan awalan **meN-** dalam pelbagai konteks penulisan karangan. Kajian ini tentunya dapat meningkatkan motivasi warga pendidik dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kedua. Kajian ini juga dapat merangsangkan semua lapisan pendidik untuk memberikan penekanan kepada murid tentang kepentingan untuk menguasai kemahiran Bahasa Melayu untuk menghasilkan karangan yang baik.

Dalam usaha untuk mempraktikkan penggunaan bahasa yang betul dalam penulisan karangan bukan suatu yang mudah. Berdasarkan sorotan kajian yang dikemukakan jelas menunjukkan tentang kepentingan penggunaan bahasa yang betul dalam menghasilkan sebuah karangan. Penggunaan struktur dan bahasa yang betul adalah penting dalam penyampaian hasil karangan yang berkualiti.

1.11 Definisi Operasional

Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah menggunakan beberapa istilah bagi menyiapkan kajian ini. Setiap definisi atau istilah yang digunakan dalam penulisan ilmiah akan dijelaskan dalam kajian ini, antaranya definisi operasional yang digunakan dalam kajian seperti berikut:

i) Bahasa Melayu

Nama 'Bahasa Malaysia' mula digunakan secara meluas selepas 13 Mei 1969 untuk tujuan politik, iaitu untuk menanamkan perasaan milik bersama terhadap bahasa itu dalam kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Nama Bahasa Malaysia telah ditukar semua kepada Bahasa Melayu. Penyata Razak merupakan akar umbi dalam penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan di Malaysia. Apabila menyedari kepentingan bahasa dalam menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum maka bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantara dalam bidang Pendidikan. Dalam konteks kajian ini Bahasa Melayu diberi tumpuan kerana Bahasa Melayu menjadi Bahasa kedua dalam kalangan murid-murid SJKT.

ii) Murid-murid sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

Murid-murid SJKT ialah kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa berketurunan India yang belajar di sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Malaysia. Murid-murid tersebut terdiri daripada kanak-kanak yang berumur tujuh hingga dua belas tahun. Kanak-kanak India ini mempunyai bahasa ibunda mereka iaitu Bahasa Tamil. Kebanyakan keluarga India di Malaysia turut menggunakan

Bahasa Tamil sebagai bahasa pertama. Oleh itu, kanak-kanak tersebut mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di sekolah. Namun begitu, pengaruh bahasa pertama iaitu bahasa Tamil sangat menebal dalam jiwa mereka. Dalam konteks kajian ini, murid-murid tahun 5 SJKT mengalami kelemahan dalam penguasaan imbuhan yang serius.

Murid-murid SJKT dikenali sebagai murid bukan penutur jati. Menurut Zamri (2021) menjelaskan bahawa murid bukan penutur natif atau lebih mudah dikenali sebagai murid yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mempunyai masalah dalam aspek penjanaan idea, aspek teknikal penulisan karangan dan juga masalah penguasaan kosa kata yang terhad.

iii) Bahasa kedua

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1998) maksud bahasa kedua adalah “bahasa yang kedua dipelajari oleh seseorang itu di samping bahasa kandung yang diperoleh. Bahasa kedua ini adalah bahasa asing yang dipelajari untuk tujuan-tujuan tertentu.” Penguasaan bahasa pertama berlaku secara semula jadi sejak kecil lagi. Pada tahap ini, pengetahuan bahasa diperolehi secara tidak langsung atau tidak formal. Menurut Kamarudin Hj. Husin (1998). Dalam kajian Fikri Ghafar (2020), tahap penguasaan Bahasa kedua iaitu Bahasa Melayu masih kurang memuaskan.

Hal ini kerana, bahasa pertama menjadi dominan bagi murid-murid bukan penutur jati. Nor Zulaikha et.al (2021) mengatakan tahap penguasaan bahasa pertama yang lebih dominan menyebabkan murid banyak melakukan

kesalahan fonetik, morfologi, sintaksis dan semantik dalam penulisan karangan.

Murid-murid tahun 5 yang dipilih sebagai responden dalam kajian ini merupakan murid-murid yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa kedua. Jumlah waktu yang diperuntukkan untuk pembelajaran Bahasa Melayu dalam seminggu adalah sebanyak 8 waktu iaitu 240 minit.

iv) Tatabahasa

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Keempat (2023) tatabahasa didefinisikan sebagai satu pengetahuan atau pelajaran tentang pembentukan perkataan dan proses pembinaan ayat ataupun dalam kata lain disebut penyusunan kata dalam ayat. Tatabahasa merupakan salah satu unsur penting dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Unsur ini perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid untuk membolehkannya menguasai bahasa dengan mahir. Noor Zila binti Md. Yusuf (2015), pula mengatakan bahawa pelajaran bertutur dan prinsip tatabahasa harus memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran untuk menguasai sesuatu bahasa baharu. Menurut Siti Khodijah Che Mee (2020) dalam kajiannya telah menyatakan bahawa keperluan untuk memahami tentang ilmu linguistik asas dan tatabahasa sangat digalakkan.

Tatabahasa adalah sillibus utama untuk menguasai Bahasa Melayu. Imbuhan awalan **meN-** yang menjadi asas dalam pembentukan ayat yang gramatis dalam penulisan karangan yang berkualiti dan mantap.

v) Imbuhan

Nik safian Karim et al. 2009, imbuhan merupakan sesuatu unit bahasa yang tertentu dan ditambahkan pada bentuk lain. Hasil daripadanya, berlaku perubahan makna sesuatu nahu yang meliputi imbuhan awalan, imbuhan akhiran, sisipan dan apitan Menurut Abdullah Hassan (2004), pengimbuhan merupakan proses menggandingkan imbuhan pada kata dasar untuk membentuk kata terbitan. Imbuhan terdiri daripada imbuhan awalan, akhiran, apitan dan sisipan yang digunakan untuk membentuk kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Berikut adalah jadual bentuk dan jenis imbuhan yang patut dikuasai oleh murid-murid untuk memantapkan penguasaan bahasa Melayu.

Jadual 1.2: Jadual bentuk dan jenis imbuhan

Jenis Imbuhan	Bentuk Imbuhan	Jenis bentuk imbuhan
Awalan	beR meN di teR peN ke	"be", "ber" "me", "men", "meng", "menge" "pe", "pem", "pen", "peng", "penge"
Akhiran		"an", "kan" dan "i"
Apitan		"mem..kan", "me..kan", "meng..kan", "meny..kan", "me..i", "meng..i", "di..kan", "ke..an", "per..an", "peng..an", "peny..an"
Sisipan		"-el-", "-em-", "-er-" dan "-in-".

Imbuhan awalan **meN-** menjadi focus utama dalam kalangan murid tahun 5 di SJKT kerana imbuhan awalan **meN-** menjadi ilmu untuk menulis ayat aktif dalam penulisan karangan. Murid-murid digalakkan untuk menggunakan ayat aktif yang menggunakan imbuhan awalan **meN-** dalam penulisan karangan yang mantap.

vi) Kemahiran menulis

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar diajarkan dan dikuasai oleh murid (Nik Safiah 2004) kerana penulisan melibatkan tahap literasi yang paling kompleks dan memerlukan proses kognisi yang tinggi (Van de Kopple et al.dlm. Roselan 2003). Hasil tulisan merupakan salah satu bentuk wacana tulisan yang menjadi wadah penyampaian ilmu kepada pembaca dan penerima mesej. Oleh itu, kegiatan menulis merupakan satu kepentingan yang menjadi keutamaan kepada penulis dan pembaca untuk menyampaikan serta menerima mesej.

Kemahiran menulis adalah kebolehan murid SJKT untuk menulis sebuah karangan yang bertajuk 'Sambutan Hari Guru' berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan pemerhatian yang digabungkan dengan bahasa sehingga membentuk penulisan karangan yang mantap.

vii) Karangan

Kertas soalan bahasa Melayu terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian tatabahasa yang terdiri daripada aneka pilihan dan bahagian penulisan. Semua murid SK dan SJK pasti teliti tentang format ini. Hal ini kerana format

kertas soalan bahasa Melayu sama untuk SK dan SJK cuma tahap soalan sahaja berbeza.

Penulisan karangan terdiri daripada unsur-unsur seperti pembinaan frasa, klausa dan ayat, idea atau isi serta pengetahuan atau pengalaman berpunca sepenuhnya daripada penulisnya. Sekiranya penulis tidak menguasai semua unsur tersebut, karangan berkenaan tidak akan sempurna. Format karangan merangkumi pendahuluan, isi dan penutup. Karangan yang ditulis oleh 140 orang responden dari 10 buah SJKT terpilih tentang Sambutan Hari Guru menepati format karangan yang dinyatakan.

viii) Analisis kesalahan

Dalam kajian ini, analisis kesalahan merujuk kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid dalam penulisan karangan. Dalam konteks linguistik, Harimurti Kridalaksana (1983:11) mendefinisikan analisis kesilapan sebagai 'teknik untuk mengukur kemajuan belajar bahasa dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang atau kelompok tertentu'. Corder (1981) dalam Juriah Long (1990) telah mendefinisikan kesalahan bahasa sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau menyalahi bentuk pertuturan penutur jati.

Kesalahan ini meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya. Tambahan pula, kesalahan bahasa merupakan fenomena biasa yang terjadi kepada penutur sama ada penutur asli atau sebaliknya kerana pengetahuan bahasa

seseorang sentiasa berkembang sejak dia mula tahu bertutur sehinggalah ke akhir hayatnya dikemukakan oleh Corder (1981) berkaitan dengan kesalahan bahasa.

Menurut Fikri Ghafar (2020) dalam kajiannya telah membuktikan bahawa kesalahan bahasa merupakan aspek yang tidak boleh diketepikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa terutamanya Bahasa Melayu.

Analisis data menunjukkan analisi kesalahan penggunaan imbuhan awalan **meN-** dalam sampel karangan 140 orang responden dari 10 buah SJKT terpilih berada pada tahap lemah.

ix) Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)

UPSR diperkenalkan pada tahun 1988 dengan untuk memenuhi 4 kemahiran asas iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul. Murid-murid tahun 6 wajib menduduki UPSR. UPSR menjadi kayu pengukur murid tahun 6 untuk melangkah ke sekolah menengah. Pemansuhan UPSR dilaksanakan pada tahun 2021 berdasarkan Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 April 2021. Susulan daripada pemansuhan UPSR pemeraksanaan PBS mula dilaksanakan pada tahun 2021 dan terus diperkukuhkan. Maka, UPSR bertukar wajah menjadi UASA.

Kajian tentang Penguasaan Imbuhan Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dimulakan berdasarkan analisis data Keputusan UPSR tahun 2019. Pemansuhan UPSR

tidak memberi sebarang halangan kepada pengkaji untuk meneruskan kajiannya.

x) Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

Dalam portal Rasmi Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, PBS ialah suatu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai kognitif (intelektual), afektif (emosi dan Rohani) dan psikomotor (jasmani). Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu terdapat empat komponen dalam PBS iaitu Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum (PAJSK), Pentaksiran Psikometrik (PPSi) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Susulan daripada pemansuhan UPSR, pemerkasaan PBS mula dilaksanakan pada tahun 2021 dan terus diperkukuhkan.

xi) Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)

Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) ialah ujian peringkat sekolah dan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada PBD sumatif pada akhir kalender akademik. UASA melibatkan murid sekolah rendah tahun 4,5 dan 6. UASA adalah untuk menguji tahap kognitif murid bukan membandingkan prestasi atau pencapaian antara murid, sekolah, daerah dan negeri.

UASA bertujuan mengumpul dan mendapatkan maklumat mengenai tahap pencapaian akademik murid atau kandungan yang dipelajari murid sepanjang sesi akademik. Setersanya, ujian ini juga dapat memberi gambaran yang menyeluruh tentang perkembangan kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. Maklumat ini dapat membantu guru merancang dan melaksanakan

intervensi untuk membangunkan potensi murid. Instrumen pentaksiran dan panduan penskoran bagi murid sekolah rendah tahap melibatkan lima matapelajaran termasuk Bahasa Melayu.

UASA menjadi platform kepada murid tahap 2 untuk menilai prestasi akademik 5 matapelajaran utama termasuk Bahasa Melayu bagi murid tahun 6. Matapelajaran Bahasa Melayu menjadi penentu kemasukkan sama ada tingkatan 1 atau peralihan. Oleh itu, penguasaan tatabahasa khususnya imbuhan awalan **meN-** menjadi keperluan kepada SJKT dan SJKC.

xii) Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Dalam portal rasmi Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, PBD ditafsirkan sebagai pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. PBD berlaku secara formatif dan sumatif sebagai pembelajaran, untuk pembelajaran dan tentang pembelajaran. PBD dikenali sebagai PS iaitu Pentaksiran Sekolah pada tahun 2011. Pentaksiran Sekolah diubah menjadi PBD iaitu Pentaksiran Bilik Darjah pada tahun 2016. PBD dilaksanakan secara berterusan sepanjang proses PdP sepanjang tahun. PBD dilaksanakan melalui kaedah pemerhatian, penulisan dan lisan, kerja projek, kuiz, pembentangan dan sebagainya.

Oleh kerana PBD adalah proses berterusan untuk mentaksir pencapaian murid di semua sekolah dan car aini setara dan relevan difokuskan dalam

kajian tentang Penguasaan Imbuhan Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

xiii) Morfologi

Menurut Nik Safiah Karim at.el.(1997), morfologi adalah satu bidang yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Dalam Tatabahasa Dewan Edisi Keempat (2023) pula, morfologi ditakrifkan sebagai kajian tentang pembentukan kata dalam sesuatu bahasa termasuk infleksi, terbitan dan pemajmukan. Kajian tentang Penguasaan Imbuhan Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) adalah kajian morfologi yang berfokus kepada penggunaan imbuhan awalan **meN-** dalam penulisan ayat dalam karangan yang bertajuk 'Sambutan Hari Guru'.

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan secara keseluruhan mengenai kajian Penguasaan Imbuhan Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) daerah Kuala Selangor. Di samping itu, pernyataan masalah, objektif kajian dan kepentingan kajian yang dikemukakan, untuk dijadikan sebagai rujukan kepada para pengkaji bahasa lain agar dapat memperluaskan lagi kajian tentang imbuhan tatabahasa.

1.12 Kesimpulan

Setersunya, pengkaji juga menyorot kajian tentang kajian mengenai penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, kajian mengenai tatabahasa dan kajian tentang pembelajaran pada zaman kini yang dibuat oleh para pengkaji lepas dalaman ataupun luaran bagi mengukuhkan dapatan kajian tentang analisis imbuhan awalan **meN-** dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) daerah Kuala Selangor.

RUJUKAN

- Adris, A. H. A & Harun, K. B. (2020). Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Pelajar Pondok Bantan Thailand. *Juran/ Melayu Isu Khas Disember*, 457-477.
- Ahamad, N. A & Rusli, N. F. M (2020). Analisis Kesalahan Imbuhan Dalam Penulisan Karangan Pelajar Dan Hubung Kait Dari Segi Makna Gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 77-90.
- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.
<https://statics.scnu.edu.cn/pics/southeastasia/2020/0623/1592899077137008.pdf>
- Akta Pelajaran (1961).
https://ms.wikipedia.org/wiki/Akta_Pelajaran_1961#:~:text=Akta%20Pelajaran%201961%20merupakan%20undang,dan%20peperiksaan
- Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran dari Persektif Pelaksanaan pentaksiran Bilih Darjah. *Asian People Journal* 2020, 3(1),152-161.
- Baharom, B. M., Sha'ri, S. N. & Kamaruddin, R. (2021). Penggunaan Imbuhan Bahasa Melayu dalam KalanganKanak-kanak Berumur 8 Tahun. [Pembetulan Ketas Kerja]. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7(PASAK 7 2022)*.
- Batik A, B. (2011). *Stail Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar peribumi Iban di Sarawak*. [Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia].
- Bell, R. T (1981). *An Introduction to Applied Lingusitics: Approached and Methods in Language Training*. Batsford Academic and Educational.
- Bukari, H & Kechik, N. A. (2022). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Kemahiran bertutur Dalam Kalangan Murid India di sebuah sekolah Rendah.
- Burhan, M. B., Sha'ri, S. N & Yusof, M. (2023). Perbezaan Ciri Telik dalam Empat Kelas Kata kerja Bahasa Melayu: Analisis dari Sudut Teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan. *Pendeta*, 14(2), 162-171.
- Corder, S.P. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. Lincoln: Penguin Book Ltd.
- Corder, S.P. (1981). Error analysis and interlanguage. *London: Oxford University press*.

Darusalam, G & Hussin, S. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan Dan Analisis Kajian* (Edisi Kedua). Unverisiti Malaysa Press.

Dasar Pendidikan kebangsaan, 2012. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Habsah Ali, N. H. & Othman, Y. (2018). Strategi Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Melayu Sebagai Bahasa kedua Dalam Kalangan Pelajar Melanau Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1).

Hashim, H. & Abu Bakar, K. (2022). Penguasaan Struktur Dalaman Kata (SDK) Imbuhan Dalam Kalangan Pelajar Bahasa Arab. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* (ACER-J), 5(1), 7-18.

Hassan, A. (2004). Language Planning in Malaysia: The first hundred years. *English*, 21(4), 3-12.

Hassan, H., Omar, M. S. & Wahid, P. R. A. (2018). Kecelaruhan Morfologo dalam Penulisan Bahasa Melayu Oleh Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*, 22(2), 20-36.

Husin, K. H. (1988). *Pengajaran Bahasa Pertama dan Bahasa kedua*. Longman.

Ismail, A & Hamzah, Z. A. Z. (2018). Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi. *Jurnal Linguistik*, 22(1), 24-31.

Kamus Linguistik. (1997). *Dewan Bahasa dan Pustaka*

Kang, M. H. & Lim, H. L. (2015). Pengetahuan dan Keprihatinana Guru-Guru Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah(KSSR). *JPBU*, 8.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Induk pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kholood, S & Norbert, S. (2012). Difficulties with vocabulary word from: The case of Arabic ESL learners. *System*, 40(1).

Kihob, A. J & Mahali, S. N. H (2021). Penguasaan Murid tentang Penggunaan Imbuhan meN-, di dan beR- dalam penulisan karangan respons terbuka. *Manu Bil*, 32(2), 89-110.

Laporan Rahman Talib (1960).

https://ms.wikipedia.org/wiki/Laporan_Abdul_Rahman_Talib

- Lau, F. Y. F & Kee, G. F. (2021). Kaedah Pengajaran Dalam Talian Guru Bahasa Melayu Dan Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1).
- Long, J., Sabaran, R. H. & Hamid, S. (1989). *Perkaedahan pengajaran Bahasa Malaysia*. Fajar Bakti.
- Mahad, I. & Magesvaran, U. (2021). Sikap Dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1).
- Manion, C & Morrison. (2001). Pemilihan secara rawak mudah:(Defining Identification: A Theoretical Look at the Identification of Audiences with Media Characters).
- Mat Saad, D. U., Abu Bakar, H. R. & Shaharuddin. H. N. (2020). Analisis Kesalahan Morfologi Penulisan Akademik Bahasa Arab Terhadap Bukan Penutur Jati: Kajian Korpus. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Ke5(PASAK5 2020)*
- Md. Yusuf., N. Z. (2015). Strategik Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Rampak Serantau* Bil23,2016 45-74.
- Md. Yusuf., N. Z. & Juhari, A. (2019). Tahap Bahasa Antara dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal IPDA* Bil.26,2019. Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Jitra, Kedah.
- Mohamed Sultan, F. M. (2023). Analisis Struktur Sintaksis Iklan Barang-barang Sukan dalam Bahasa Melayu. *Junal Linguistik*, 27(1).
- Moiden, A. H & Liaw, J, O, H. (2020). Penelitian konsep Bahasa Dari Persepektif Sarjana Barat. [Pembentangan Kertas Kerja]. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Muhammadin, M., Kamaruddin, R., Tuan Abdul Hamid, T. N. A., Malik, B. H. A., Marimothu, G. & Paramasivam, K. (2023). The Influece of Extralinguistic Bahasa Melayu Achievement among Chinese Learners in Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Hwa, Besut, Terengganu. *International Journal of Academic Research in Business & Social Scenice*, 13(6), 788-806.
- Ngumbang, N. & Mahamod, Z. (2017). Sikap, Minat dan Motivasi Murid Melanau Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Pendeta*, 8, 47-58.
- Nik Safiah karim et al. (2009). *Tatabahasa Dewan* Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*.

- Noor Hidayu Mohd Rahim & Yahya Othman. (2016). Keberkesanan peta bulatan dan peta alir dalam meningkatkan penguasaan menulis karangan naratif murid-murid Cina. *Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2):68-77.
- Nor Ain Nor Azman & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2020). Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa. *LPS International Journal*, Vol.7, Issue 1
- Nor Hashimah Jalaluddin & Adriana Santa Anak Tinggom. (2016). Percampuran Kod Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu pelajar Cina: Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*. Jilid 16. Bil 1.2016.
- Nor Asree Mohd Noh & Abdul Halim Mohamad. (2017). Gangguan Bahasa Dari Aspek Tatabahasa Dalam Kalangan Pelajar Melayu. *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)* Vol 4, No 2.
- Nora'azian Nahar & Fadzilah ABD Rahman. (2018). Tahap penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol8, Bil1(Mei2018):74-83
- Norainah Mohd Saleh, Lizarose Abdullah & Hasnah Awang, Ed.D.(2021). Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Pemerilalah dan Adalah dalam Kerja Kursus Guru Pelatih di IPG Kampus Ipoh.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *International Conference Of Islamic Civilizational and Technology Management*.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21.
- Norehan Muhamad. (2009). Analisis Kesilapan: satu kajian terhadap karangan murid-murid Orang Asli. *Jurnal penyelidikan DEDIKASI*, 1(Dis), 119-136.
- Norizan binti Che Su. (2018). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing. *Jurnal Linguistik* Vol.22(2) Disember2018(010-019).
- Norizan Che Su & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2013). Penguasaan kosa kata dan Kemampuan Membina Ayat Bahasa Thai. *Jurnal Linguistik*. 17(1), 29-38).
- Nurul Adwa Ahamad, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar. (2020). Analisis Kesalahan Imbuhan dalam Penulisan Karangan Pelajar dan Hubung Kait dari Segi Makna Gramatikal. *Jurnal pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ)*.

- Nurul Ain Alizuddin (2022). Kesalahan Sintaksis Dalam Penulisan Esei Bahasa Melayu Pelajar Asing. *International Social Sceince and Huminities Journal*. Vol 5 No.1 (2022).
- Nurul Ain Alizuddin, Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif. (2021). Analisis Kesalahan Bahasa Dalam penulisan Bahasa Melayu Pelajar Antarabangsa. . *International Social Sceince and Humanities Journal* Vol 4. No 1.
- Nurul Ain Alizuddin. (2022). Kesalahan Sintaksis Dalam Penulisan Esei Bahasa Melayu Pelajar Asing. *International Conference Of Islamic Civilizational and Technology Management*. Vol 5. No 1.
- Nurul Ain Alizuddin. (2022). Kesalahan Sintaksis Dalam Penulisan Esei Bahasa Melayu Pelajar Asing. *International Social Sceince and Humanities Journal* Vol 5, No 1.
- Nurul Jamilah Rosly(2023). Analisis Kesalahan Tatabahasa Dalam Kalangan Murid Orang Asli Jakun Lenga, Muar Johor. *Asia Journal of Civilizational Studies*.
- Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy Subramaniam. (2017). Faktor Timbulnya Pengaruh Bahasa Pertama Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Ulum Islamiyyah* Vol.20.
- Ooi, C. H & Subramaniam, V. L. (2016). Tahap Motivasi Murid dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Universiti Sains Islam Malaysia*, Vol.18.
- Paramasewari Krishnan, J. Hinduja Jayer Raman, Said Darkasi & Rohini Krishnan. (2020) Dasar British dan Jepun Terhadap Sekolah Melayu dan Tamil Sebelum Tahun 1957 British. *Jurnal Kinabalu* Bil.26(2), 253-276.
- Peng, C. F & Ismail, M. F. (2020). Pelaksanaan Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Pra sekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(1), 14-25.
- Peng, C. F. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*, 6(2), 10-22.
- Penyata Razak (1956). https://ms.wikipedia.org/wiki/Penyata_Razak_1956
- Perumal, N. S. & Vijayaletchumy Subramaniam, V. (2021). Pembangunan Kita Inovasi Kata Berimbuhan Bagi Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Melayu Isu Khas*.
- Plycia Exshonna Mat & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2023). Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Murid Etnik Minoriti. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol.5. No 1, 88-97, 2023.

Pusat perkembangan Kurikulum (2002). Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

R. Addo-Fening. (1990). The Native Jurisdiction Ordinance, Indirect rule and The Subject's Well-Being: The Abuakwa Experience 1899-1912. *Research Reviews NS* Vol. 6, No.2.

Razin, A & Shazreena, A. (2022). *Penguasaan Imbuhan Awalan Men...Berbantuan Modul Inovasi Teknik Mnemonik*. [Pembentangan Kertas Kerja]. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7(PASAK 7 2022)- Dalam Talian.

Razin, A. S. A & Subramaniam, V. (2019). Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 3-13.

Revathi Raja Gopal, Dahlia Janan & Nasir Masran. (2022). Kekangan Kemahiran Membina Ayat Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun Empat SJKT. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*. Vol 7, Issue 11, E001916.

Revathi Raja Gopal, Dahlia Janan & Nasir Masran. (2022). Kekangan Kemahiran Membina Ayat Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun Empat SJKT. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*. Vol 7, Issue 11, E001916.

Rosidah Hassan. (2017). Gaya dan Strategik Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis. *Journal of Language Studies* 17(1):125-146.

S.PIT Corder Error Analysis and Interlanguage, Oxford University Press, 1981. 125pp. Cohen, Manion dan Morrison (2001) (*Defining Identification: A Theoretical Look at the Identification of Audiences with Media Characters*) 2022 (eISSN 2811-4051).

Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademik Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu Bil.* 15(2).

Sanisah bte Rahim & Nuraishah bte Mahmood (2020), Keberkesanan Ict Dalam Pengajaran Imbuhan Awalan Pen, *MJSSH Online*, 4(2), 187 – 194.

Saraswathy A/P Pormalu @ Perumal, Rohaidah Kamaruddin, Paramasivam A/L Muthusamy, Ayuni Mohamad Bakari & Husna Hidayah Mansor. (2017). Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Sekolah Tamil. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 5(1), 2017:45-55.

- Shantini A/P Raman, Muhammad Faizal A. Ghani & Norfariza Mohd Radzi. (2018). Tahap Kompetensi Pemimpin Sekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dalam Daerah Terpilih di Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Julai 2018, Bil 5, Isu 3.
- Sintian, M. & Zakaria, A. N. (2019). Kesalahan Tatabahasa dalam Ucapan Guru Semasa Perhimpunan Rasmi Sekolah. *Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Siti Nur Solehah Baharudin. (2023). Analisis Kata Sendi Nama 'Di' dan 'Dalam' Dalam Penulisan karangan Pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Pengajian Melayu-JOMAS*, Jilid 34(1),
- Siti Rahayu Muhammad, Sharil Nizam Shari. (2020). Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dari Aspek Morfologi dalam Penulisan Karangan Murid Sekolah Rendah. *International Social Sceince and Humanities Journal* Vol 3, No 2.
- Sivaneswary Sivaratanam. (2019). Penguasaan Golongan Kata Dalam Kalangan Murid SJK(T). *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu(RUMPUN)*.
- Sumarni Lapmmu & Zamri Mahamod. (2018). Tahap Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Pelajar Tingkatan 4 terhadap Penggunaan Pembelajaran Persekitaran Maya Vle Frog Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 8. Bil 1.
- Suthanthiradevi J.N.J Money. (1996). Pengaruh bahasa Ibunda dalam Proses Pembelajaran Bahasa melayu Murid-murid India. Universiti Putra Malaysia. Tay Meng Guat. (2010). Pandangan Guru Pelatih Terhadap Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Reandah. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, Jilid 9, 2010.
- Syed Ali, A. S., Mahamod, Z. & Mis, M. A. (2021). Masalah Murid Etnik Bajau dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Borneo International Journal*, 4(3), 26-31.
- Tatabahasa Dewan Edisi Keempat. (2023). Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Tenggok, C & Nor Shaid, N. A. (2023). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah. *Juran/ Dunia Pendidikan*, 5(1), 329-345.
- Tengku Nur Syamila Tengku Din, kartini Abd Wahab. (2022). Kesalahan Penggunaan Imbuhan Bahasa Melayu dalam Instagram. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(5).

- Tuan Nur Afifah Tuan Omar & Suhaila Zailani @ Ahmad. (2020). Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dalam Memahami Fungsi Pola Imbuhan Bahasa Arab, *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*.
- Ujai, D. S & Wan Muhamad, W. M. R. (2017). Pengaruh Faktor Sosial dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*.
- Vijayaletchumy, Alimah Lob & Pavitra Nagaraju. (2021). Mari Mengenal ALOMORF BAHASA MELAYU Melalui Teknik GAD: Grafik, Akrostik, Dadu. *Universiti Putra Malaysia*.
- Voo Mui Ting, Norfaizah Abdul Jobar & Zuraini Ramli (2023). Tahap Penguasaan dan Hubungan antara Faktor Sikap, Motivasi dan Persekitaran Guru Pelatih Bahasa Kedua dalam Tatabahasa Bahasa Melayu. *LSP International Journal*, Vol.10
- Wahab, K, A., Ma' alip, S., Yusof, M. & Harun, K. (2016). Ketibaan Program Pengajian Bahasa Melayu: Persepsi Dan Harapan Mahasiswa, *Jurnal Melayu*, 15(2). 177-195.
- Wong S, H. (2015). Tinjauan Tentang Penggunaan Bahasa Melayu dalam Buku Teks Geografi Tingkatan Satu. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, Jilid 12.
- Wong Shia Ho dan Yeo Swee King. (2018). Percanggahan Pendapat Aspek Tatabahasa: Perbandingan Antara Bahan Rujukan Bahasa Melayu. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 9.
- Yahya Othman & DK. Suzanawathy Pg. Osman. (2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*. Vol.4, Bil.1(Mei 204) 19-29.
- Yong Chyn Chye, Vijayaletchumy a/p Subramaniam. (2012). Analisis Kesilapan Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Oleh Pelajar Asing. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Volume 12(2).
- Za'ba. 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaliza Mohamad Nasir Akademi Bahasa (2017), dari Universiti Teknologi Malaysia, mengkaji tentang Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar kalangan pelajar Indonesia yang mempelajari kursus Bahasa Malaysia Penulisan Ilmiah di *Universiti Teknologi Malaysia*.

Zaliza Mohamad Nasir. (2013). Penguasaan Tatabahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Linguistik* Vol.17(2) Disember.2013(84-90).

Zamri Mahamod. (2008). Psikolinguistik dalam pengajaran dan Pembelajaran Bahasa melayu. *Shah Alam: Karisma Publicationa Sdn.Bhd.*

Zeckqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin. (2020). Pengajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Asing: Analisis Pola Kesalahan Tatabahasa Dalam Penulisan. *Issue in Languages Studies*, 9(1).

